

**ORIGINAL ARTICLE****MJSSH**  
Mualim Journal of  
Social Science and Humanities**PERBANDINGAN ELEMEN TANGGUNGJAWAB PEMIKIRAN IMMANUEL KANT DENGAN AGAMA KRISTIAN****COMPARISON BETWEEN IMMANUEL KANT'S THOUGHT WITH CHRISTIANITY ON THE ELEMENTS OF RESPONSIBILITY****Chong Yok Fong**

Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Email: [chongyf@tarc.edu.my](mailto:chongyf@tarc.edu.my)DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/202>**Abstract**

Immanuel Kant was a German philosopher who is often labeled as a secular philosopher that anti-Christian. However, there is a research gap on the similarities and differences of Immanuel Kant's views with the teachings of Christianity itself. Therefore, this study aims to compare Immanuel Kant's thoughts with the teachings of Christianity in relation to responsibility. With this in view, a qualitative approach centered on a comparative method becomes the backbone of this research methodology. Beginning with the deductive method, the primary data consisting of the works of Immanuel Kant as well as the citation of specific verses in the Bible in relation to the element of responsibility are studied in detail. Thereafter, an analysis is made by comparing the similarities and differences of Immanuel Kant's thoughts with the Christian perspective on the matter of responsibility. The findings of the study demonstrate that the elements of Immanuel Kant's responsibility namely knowledge, good will, freedom, and action show significant similarities with what is taught in Christianity. What distinguishes Immanuel Kant's views from Christianity is that Immanuel Kant's concept of the elements of responsibility is centered on the three principles of Category Imperative, namely universality, humanity and unity while responsibility in Christianity is centered on faith in the Trinity that is God the Father, God the Son and the Holy Spirit. These findings can then be used as a basis to argue that Immanuel Kant was not a secular philosopher who denied the existence of God. Through the findings of this research, it is hoped that a more comprehensive understanding of the concept of responsibility can be conveyed. It is also hoped that this research can enlarge our perspective to see that something that is considered secular is not necessarily in direct conflict with religion. May this constructed conceptual framework be used as a basis to expand future research that compare Immanuel Kant's view on responsibility with other religions.

**Keywords:** responsibility, knowledge, good will, freedom, action

## Abstrak

Immanuel Kant merupakan seorang ahli falsafah Jerman yang sering dilabelkan sebagai ahli falsafah sekular yang anti agama Kristian. Namun begitu, masih wujud kelompongan kajian yang mengkaji persamaan dan perbezaan pemikiran Immanuel Kant dengan ajaran agama Kristian itu sendiri. Lantaran itu, kajian ini bertujuan untuk membandingkan pemikiran Immanuel Kant dengan ajaran agama Kristian berhubung dengan tanggungjawab. Dengan ini, pendekatan kualitatif yang berpaksikan kaedah perbandingan menjadi tunjang metodologi kajian. Empat objektif kajian iaitu menganalisis elemen tanggungjawab Immanuel Kant, mentafsir ajaran tanggungjawab dalam agama Kristian, membandingkan elemen tanggungjawab Immanuel Kant dan ajaran agama Kristian dan merumuskan sejauh mana Immanuel Kant dikatakan bersifat sekularisme dalam menghujahkan konsep tanggungjawab menjadi arah tuju kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa elemen tanggungjawab Immanuel Kant iaitu pengetahuan, kehendak, kebebasan, dan perbuatan menampakkan persamaan yang ketara dengan apa yang diajar dalam agama Kristian. Apa yang membezakan pandangan Immanuel Kant dengan agama Kristian ialah elemen tanggungjawab Immanuel Kant adalah berpusatkan tiga prinsip Kategorikal Imperatif iaitu kesejagatan, kemanusiaan dan kesatuan manakala tanggungjawab dalam agama Kristian adalah berpaksikan keimanan kepada Triniti iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus. Hasil dapatan ini seterusnya dijadikan hujahan untuk membuktikan bahawa Immanuel Kant bukan seorang ahli falsafah sekular yang menafikan sama sekali kewujudan Tuhan. Kesemua hasil dapatan kajian disintesiskan untuk membentuk suatu kerangka konseptual yang membandingkan persamaan dan perbezaan pandangan Immanuel Kant dan ajaran agama Kristian berhubung dengan tanggungjawab. Kerangka konseptual yang dibina diharapkan dapat menjadi asas untuk memperlebar kajian-kajian lain yang boleh membandingkan konsep tanggungjawab Immanuel Kant dengan agama lain.

**Kata kunci:** tanggungjawab, pengetahuan, tekad baik, kebebasan, perbuatan

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 31<sup>th</sup> March 2022, revised 20<sup>th</sup> April 2022, accepted 12<sup>th</sup> May 2022

## PENGENALAN

Perkataan atau istilah ‘tanggungjawab’ bukan sesuatu yang asing dalam kehidupan seseorang. Sejak kecil lagi, setiap insan di dunia ini pasti dididik untuk melakukan tanggungjawab mereka masing-masing. Apabila seseorang semakin meningkat dewasa, mereka diasuh pula untuk bertanggungjawab atas perbuatan sendiri. Istilah tanggungjawab ini begitu sinonim dengan kehidupan seseorang sehingga ada kalanya mereka terlupa akan maksud sebenar yang tersirat di sebalik perkataan tanggungjawab ini. Lantaran itu, konsep tanggungjawab ini wajar diberi penekanan agar satu pemahaman yang lebih luas dan menyeluruh dapat dicapai.

Sehubungan itu, pemfokusan ditekankan kepada seorang falsafah Jerman yang mempelopori konsep tanggungjawab iaitu Immanuel Kant. Menurut Helmut Holzhey dan Vilem Mudroh (2005)<sup>1</sup> dalam buku *Historical Dictionary of Kant and Kantianisme*, Immanuel Kant telah menghasilkan pelbagai karya yang memperlihatkan aliran pemikirannya yang tersendiri. Pada tahun 1781, Immanuel Kant telah menakjubkan dunia ilmiah dengan penghasilan karya falsafah beliau, *Critique of Pure Reason*. Kejayaan pertama beliau dalam mempertahankan falsafah kritikal (*critical philosophy*) adalah melalui penerbitan *Groundwork of Metaphysics of Moral* pada tahun 1785. Usaha berpanjangan beliau dalam mewujudkan falsafah moral dari perspektif baharu membawa hasil melalui penerbitan karya ini. Pada tahun 1788, beliau menghasilkan *Critique of Practical Reason* sebagai mempertahankan pendiriannya daripada kritikan terhadap karya *Groundwork* dan karya-karya beliau yang lain. Pada tahun 1793, beliau menerbitkan sebuah buku berkaitan falsafah keagamaan yang bertajuk *Religion within the Boundaries of Mere Reason*.

Tanggungjawab turut merupakan salah satu nilai yang diutamakan dalam ajaran agama selain nilai baik hati, jujur, dan sebagainya. Seiringan itu, adalah tidak lengkap jika konsep tanggungjawab ini tidak dilihat dari sudut agama. Dalam kajian ini, ajaran agama Kristian dipilih untuk mengukuhkan lagi pemahaman kita tentang konsep tanggungjawab ini.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Disebabkan fenomena pengasingan unsur agama dengan aspek sekular sejak Zaman Pencerahan, banyak kajian lepas yang melihat sesuatu yang dianggap sekular dengan agama sebagai dua entiti yang berlainan atau berasingan. Salah satu tafsiran ciri moral sekular ialah moral sekular tidak mengambil kira langsung atau menitikberatkan persoalan tentang Tuhan dan hari akhirat manakala moral agama ditafsirkan sebagai moral yang berdasarkan keimanan kepada Tuhan dan kehidupan akhirat (Mohd. Janib Johari, 1994)<sup>2</sup>.

Kesannya, masih kurang kajian yang melihat sesuatu konsep dari sudut sekular dan agama pada masa yang sama. Ekoran ini juga didapati bahawa wujudnya kesenjangan/kelompongan kajian terhadap aspek perbandingan antara pemikiran Immanuel Kant yang disifatkan sebagai sekular dengan ajaran agama Kristian berhubung dengan elemen tanggungjawab.

Selain itu, timbul juga persoalan dan perdebatan sama ada Immanuel Kant seorang yang antiagama atau anti-Tuhan. Lantaran itu, melalui kajian perbandingan pemikiran Immanuel Kant dan ajaran agama Kristian berhubung dengan tanggungjawab, penjelasan yang lebih lanjut dapat diketengahkan untuk melihat adakah Immanuel Kant menolak sama sekali ajaran agama Kristian dalam pemikiran beliau yang dikatakan bersifat sekular.

Justeru, persoalan kajian akan tertumpu kepada: (i) Apakah elemen tanggungjawab Immanuel Kant? (ii) Apakah tafsiran tanggungjawab dalam ajaran Kristian? (iii) Apakah persamaan dan perbezaan antara pemikiran Immanuel Kant dengan agama Kristian dalam memperkatakan elemen tanggungjawab?, dan (iv) Adakah Immanuel Kant bersifat sekular sehingga menolak sama sekali ajaran Kristian dalam memperkatakan konsep tanggungjawab?

## METODOLOGI

Kaedah penyelidikan adalah umpama kompas yang sentiasa mengarahkan penulis ke kutub hasil dapatan dalam kerangka yang lebih terarah, sistematik, dan menyeluruh untuk menjawab persoalan kajian dan seterusnya mencapai objektif kajian.

### Penyelidikan Kualitatif

Metodologi kualitatif merujuk kepada kajian yang menghasilkan deskripsi data – penulisan atau lisan dan tingkah laku yang dapat diperhatikan. Pengkaji yang menggunakan pendekatan kualitatif akan menekankan kaedah deduktif iaitu mengembangkan konsep, membuat penelitian secara mendalam, dan memberi pemahaman terhadap data-data yang sedia ada. (Taylor, 2015)<sup>3</sup>

Untuk kajian ilmiah ini, pendekatan kualitatif digunakan. Hal ini disebabkan kajian penyelidikan ini lebih mengutamakan penjelasan, tafsiran, penghujahan atau interpretasi karya Immanuel Kant dan agama Kristian tentang tanggungjawab.

### Reka Bentuk Kajian

Creswell mencadangkan bahawa soalan penyelidikan yang bermula dengan ‘bagaimana’ ataupun ‘apa’ boleh diklasifikasikan sebagai tergolong dalam kajian kualitatif (Siti Uzairiah, 2017)<sup>4</sup>. Dengan itu, persoalan kajian penyelidikan ini berkisar kepada pertanyaan tentang ‘apakah’ amat sesuai menggunakan kaedah kualitatif.

Disebabkan kajian penyelidikan ini lebih kepada analisis dokumen iaitu penekanan kepada karya Immanuel Kant dan petikan daripada kitab suci *Bible* yang menekankan persoalan tentang apakah, kaedah kualitatif memberi ruang kepada pengkaji untuk membuat penerangan secara teliti, memberi sokongan daripada sumber bertulis, menganalisis secara perbandingan dan seterusnya membuat rumusan dengan lebih menyeluruh.

Secara terperinci, penyelidik akan menggunakan dua metode iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data sebagaimana disebut di bawah:

#### i) Metode pengumpulan data

Metode pengumpulan data ini penting terutamanya untuk menjawab persoalan kajian pertama dan kedua. Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan teknik kajian dokumen. Dengan itu, karya-karya Immanuel Kant dan Bible menjadi dokumen utama rujukan kajian ini selain dokumen sekunder sokongan lain yang turut memperjelas karya Immanuel Kant dan juga tafsiran ajaran Kristian, khasnya dalam menyentuh tentang tanggungjawab manusia.


#### ii) Metode analisis data

Metode analisis data ini penting untuk menjawab persoalan kajian ketiga. Penganalisisan terhadap maklumat-maklumat yang telah terkumpul akan dibuat melalui kaedah perbandingan atau komparatif kualitatif. Uwe Flick (2014)<sup>5</sup> dalam buku *The Sage Handbook of Qualitative Data* mengatakan bahawa “*Qualitative comparison seeks to draw attention to both, to the differences and similarities...and to carve out diversity as well as similarity*”, iaitu kaedah perbandingan kualitatif memberi penekanan kepada perbezaan dan persamaan. Kaedah perbandingan ini penting dalam kajian ini untuk merungkaikan persoalan kajian yang ketiga iaitu apakah persamaan dan

perbezaan antara pemikiran Immanuel Kant dan agama Kristian dalam memperjelaskan konsep tanggungjawab.

### Kerangka Kaedah Kajian

Secara kasarnya kaedah kajian penyelidikan ini, dapat dirumuskan melalui kerangka carta aliran berikut:




Rajah 1: Carta Aliran Metodologi Kajian

## PERBINCANGAN

### Dapatan Persoalan Kajian Pertama

Berdasarkan hasil dapatan untuk persoalan kajian pertama iaitu apakah elemen tanggungjawab Immanuel Kant, dapat dirumuskan bahawa elemen tanggungjawab iaitu pengetahuan, kebebasan, kehendak dan perbuatan, haruslah seiring dengan hukum moral iaitu Kategorikal Imperatif iaitu kesejagatian, kemanusiaan, dan kesatuan seperti mana yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:




Rajah 2: Gambar Rajah Aliran Hasil Dapatan Persoalan Kajian 1

Secara umumnya, bagi Immanuel Kant, dalam kesedaran manusia untuk melakukan sesuatu tanggungjawab, pasti terkandung pengetahuan tentang tanggungjawab dan keperluan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut (Holzhey, 2005: 109). Bagi Immanuel Kant, manusia mempunyai kebebasan untuk memilih arah tuju perbuatannya. Ekoran ini, manusia perlu bertanggungjawab atas perbuatannya (Kant, 1889: 228) Menurut Immanuel Kant lagi, sesuatu tindakan yang dianggap bermoral perlu berdasarkan kehendak/tekad/motif yang baik (*good will*) ketika melaksanakan tanggungjawab H.B. Acton (1970). Manusia bukan sahaja harus bertindak kerana tanggungjawab (dengan motif yang baik), malahan juga harus memastikan perbuatannya adalah mengikut landasan tanggungjawab atau seperti apa yang diamanahkan (melakukan apa yang betul). MacKinnon (2015).

Keempat-empat elemen tanggungjawab iaitu pengetahuan, kebebasan, tekad baik dan perbuatan ini harus seiring dengan hukum moral yang diistilahkan sebagai Kategorikal Imperatif yang berlandaskan konsep kesejagatan, kemanusiaan, dan kesatuan. Kesejagatan yang dimaksudkan oleh Immanuel Kant adalah untuk seseorang itu bermoral, dia harus bertindak dalam satu pola yang juga dapat menjadi hukum/peraturan sejagat (*universal law*). (Kant, 1981: 14) “Bertindak dalam keadaan yang membolehkan anda mengutamakan kemanusiaan, sama ada berkaitan diri sendiri mahupun terhadap diri orang lain, serta pada masa yang sama merupakan matlamat dan bukan sebagai alat mencapai sesuatu.” (Kant, 1981: 36) Bagi Immanuel Kant, kewujudan masyarakat atau komuniti rational adalah sebagai “*kingdom of ends*” kerana matlamat akhir adalah mewujudkan sebuah negara/dunia di mana kita adalah pengasas hukum moral dan juga pengikut hukum moral itu. Berdasarkan prinsip formula ini, seseorang harus memastikan perbuatan atau tindakannya dapat memenuhi atau mengarah kepada pembentukan masyarakat yang bermoral (MacKinnon, 2015: 118).

### **Dapatan Persoalan Kajian Kedua**

Manakala, berdasarkan hasil dapatan persoalan kedua iaitu apakah tafsiran tanggungjawab dalam ajaran Kristian, tanggungjawab yang ditekankan ialah tanggungjawab yang berlandaskan konsep Triniti iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus. Hasil dapatan persoalan kedua ini dapat dirumuskan melalui rajah berikut:



Rajah 3: Gambar Rajah Aliran Hasil Dapatan Persoalan Kajian Ke-2

Elemen kebebasan adalah salah satu ajaran yang ditekankan dalam ajaran agama Kristian. Pemahaman tentang kebebasan ini telah pun awal-awal ditekankan oleh Tuhan dalam bab pertama Perjanjian Lama. Dalam Bab pertama Kejadian, Tuhan telah memberikan kebebasan memilih kepada manusia yang diwakili oleh kisah Adam (*Adam*) dan Hawa (*Eve*).

*“And the Lord God commanded the man, saying, “Of every tree of the garden you may freely eat; but of the tree of the knowledge of good and evil you shall not eat, for in the day that you eat of it you shall surely die.” (Genesis 2: 17-18)*

Dalam konteks Ayat 3, Bab Kejadian, Tuhan telah memberi Hawa satu kemungkinan atau kebenaran untuk memilih sama ada makan atau tidak makan buah daripada pohon pengetahuan. Hawa juga sedar bahawa jika dia memilih untuk makan buah tersebut, dia akan berdepan dengan kematian. Dari sini, ternyata bahawa sejak Tuhan mencipta manusia, manusia bukan sahaja telah diberi kebebasan untuk memilih malah perlu bertanggungjawab atas pilihannya.

Ajaran Kristian memberi penekanan yang penting tentang pengetahuan yang mampu memberi kita kebijaksanaan. Pengetahuan itu diberi kedudukan yang mulia kerana dikatakan pengetahuan dan pemahaman adalah datang dari mulut Tuhan itu sendiri.

*“For the LORD gives wisdom; from his mouth come knowledge and understanding; He stores up sound wisdom for the upright.” (Proverbs 2:6-7)*

Seseorang mungkin menganggap tindakannya adalah betul, tetapi Tuhan melihat jauh dengan menyelami kehendak hati seseorang semasa melakukan sesuatu. Tuhan lebih menilai sama ada tekad atau motif seseorang adalah baik atau tidak semasa melaksanakan sesuatu perbuatan walaupun dari luarannya mungkin seseorang kelihatan melakukan kebaikan. Ajaran ini ditekankan dalam ayat berikut:

*“A person may think their own ways are right, but the LORD weighs the heart.” (Proverbs 21:2)*

Agama Kristian amat menekankan elemen perbuatan dalam memperkatakan tanggungjawab seseorang. Seseorang yang tahu apa perbuatan baik yang harus dilakukannya tetapi tidak melaksanakannya akan dianggap sebagai dosa. Ajaran ini ditekankan dalam ayat berikut:

*“If anyone, then, knows the good they ought to do and doesn’t do it, it is sin for them.” (James 4: 17)*

Tuhan yang dinyatakan dalam kitab *Bible*, sering dirujuk kepada *God, Father, Lord, Jesus Christ* dan *Holy Spirit*. Dalam karya *On The Trinity Books 8-15*, terjemahan oleh Stephen McKenna (2002), Augustine mengatakan bahawa Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus merujuk kepada satu Tuhan. Tuhan Bapa adalah baik, Tuhan Anak adalah baik dan Roh Kudus adalah baik. Tuhan Bapa adalah maha kuasa, Tuhan Anak adalah maha kuasa dan Roh Kudus adalah maha kuasa. Namun, Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus bukan tiga tuhan yang berlainan, bukan tiga kebaikan yang berlainan, bukan tiga kekuasaan yang berlainan tetapi ialah satu Tuhan yang sama, satu kebaikan yang sama dan satu kekuasaan yang sama iaitu merujuk kepada *Trinity* itu tersendiri. Menurut Augustine:

*“Thus the Father is God, the Son is God, the Holy Spirit is God; the Father is good, the Son is good, the Holy Spirit is good; and the Father is omnipotent, the Son is omnipotent, and the Holy Spirit is omnipotent; but yet there are not three gods, nor three goods, nor three omnipotents, but one God, one good, and one omnipotent, the Trinity itself.” (Augustine, 2002: 4)*

### Dapatkan Persoalan Kajian Ketiga

Berdasarkan kaedah perbandingan, objektif kajian untuk persoalan kajian ketiga dapat dicapai. Secara ringkasnya, persamaan dan perbezaan yang dapat diperhatikan antara pemikiran Immanuel Kant dengan agama Kristian berhubung dengan elemen tanggungjawab adalah seperti berikut:

Jadual 1:  
*Elemen Kebebasan*

| Persamaan  | Perbezaan   |
|--|---|
| Kebebasan datang bersama dengan ciptaan manusia                                | Tiada perbezaan   |
| Kebebasan berkaitan dengan adanya alternatif dalam memilih                     | Tiada perbezaan   |
| Kebebasan harus mengambil kira faktor kemanusiaan                              | Tiada perbezaan   |
| Kebebasan yang diikuti dengan keperluan untuk bertanggungjawab atas perbuatan. | Tiada perbezaan   |
| Kebebasan bukan merujuk kepada kebebasan mutlak tetapi ada batasannya          | Untuk Immanuel Kant, kebebasan harus dalam batas hukum moral iaitu seiring dengan Kategorikal Imperatif. Manakala dalam agama Kristian, kebebasan seseorang adalah dalam batas yang tidak melanggar arahan Tuhan seiring dengan konsep Triniti. |

Jadual 2:  
*Elemen Pengetahuan*

| Persamaan  | Perbezaan   |
|--|---|
| Pengetahuan manusia adalah terbatas                | Tiada perbezaan   |
| Pengetahuan melibatkan penaakulan manusia rasional | Immanuel Kant melihat pengetahuan dalam batas kerasionalan manusia semata-mata tetapi dalam agama Kristian, pengetahuan manusia tidak terbatas kepada kerasionalan tetapi juga melibatkan wahyu daripada Tuhan.   |
| Pengetahuan asas sudah tertanam dalam diri manusia | Untuk Immanuel Kant, manusia mempunyai pengetahuan asas yang tersedia ada iaitu <i>priori</i> yang membolehkan manusia menerokai pengetahuan yang lebih luas. Sebaliknya, dalam agama Kristian, pengetahuan asas yang tersedia ada dalam manusia ciptaan Tuhan ini bukan sahaja membolehkan manusia dapat meneroka alam |

|                          |  |
|--------------------------|--|
|                          | semesta ini malah pengetahuan sedia ada ini akan membolehkan manusia untuk mengenali Penciptanya dan seterusnya kembali kepada Penciptanya.  |
| Pengetahuan dan keimanan | <p>Immanuel Kant mengatakan dia harus menafikan atau meletak ke tepi pengetahuan agar dapat memberi ruang kepada keimanan. (“<i>Thus I had to deny knowledge in order to make room for faith;</i>”).</p> <p>Dalam ajaran Kristian pula, pengetahuan dan keimanan tidak perlu dipisahkan malahan keimanan dikatakan dapat memberi pengetahuan kepada manusia.</p> <p>“<i>By faith we understand that the universe was formed at God’s command, so that what is seen was not made out of what was visible.</i>” (Hebrews 11:3)</p> |

Jadual 3:  
*Elemen Kehendak*

| Persamaan  | Perbezaan  |
|--|--|
| Kehendak ada berkaitan dengan faktor dalaman seseorang                     | Tiada perbezaan  |
| Kehendak yang lahir dari dalam diri seseorang harus berpangkalkan kebaikan | Bagi Immanuel Kant, kehendak yang baik ialah kehendak yang mengambil kira unsur kesejagatian, kemanusian dan kesatuan manakala dalam agama Kristian, kehendak yang baik ialah kehendak yang datang dengan keikhlasan hati seseorang melakukan apa yang diamanahkan oleh Tuhan. |

Jadual 4:  
*Elemen Perbuatan*

| Persamaan   | Perbezaan  |
|---|--|
| Perbuatan ialah tindakan fizikal secara luaran yang lahir daripada kehendak dalaman seseorang (kehendak yang baik harus dizahirkan melalui perbuatan) | Tiada perbezaan  |
| Perbuatan baik harus mengambil kira faktor kemanusiaan  | Tiada perbezaan  |
| Perbuatan baik atau buruk harus ditanggung oleh pelaku itu  | Immanuel Kant tidak menerima pandangan yang menyempitkan ajaran Kristian iaitu |

|  |  |
|--|--|
|  | seseorang itu boleh terlepas daripada bertanggungjawab atas perbuatannya dengan meletakkan kesalahan tingkah lakunya ke atas bahu Jesus Christ. Manakala dalam ajaran Kristian, Jesus Christ yang bangkit daripada kematian setelah disalib dapat menebus salah laku (dosa) seseorang tetapi mesti dengan syarat seseorang itu mempunyai keimanan yang kuat terhadap Tuhan |
|--|--|

### Dapatkan Persoalan Kajian Keempat

Persoalan kajian yang keempat melihat sejauh mana Immanuel Kant dikatakan bersifat sekular sehingga menolak sama sekali ajaran Kristian dalam memperkatakan konsep tanggungjawab. Berdasarkan Rajah 4 : Jadual Perbandingan Persamaan dan Perbezaan Antara Pemikiran Immanuel Kant dengan Agama Kristian Berhubung dengan Elemen Tanggungjawab, dapat disimpulkan bahawa walaupun Immanuel Kant yang sering dikatakan bersifat sekular, sebenarnya pemikiran beliau banyak memperlihatkan persamaan dengan ajaran agama Kristian dalam memperkatakan konsep tanggungjawab. Sesungguhnya, pemikiran Immanuel Kant bukan sahaja tidak lari jauh daripada agama Kristian malah tidak banyak bertentangan dengan tafsiran agama Kristian itu sendiri.

Disebabkan Immanuel Kant turut membesar dalam akademik era Pencerahan, Immanuel Kant sedar bahawa untuk memberi sesuatu hujahan haruslah bersifat saintifik. Oleh sebab itu, karya-karya Immanuel Kant menunjukkan kecenderungan yang seolah-olah mengetepikan peranan Tuhan kerana manusia dikatakan tidak dapat menjangkau kewujudan Tuhan apatah lagi membicarakannya secara saintifik. Oleh sebab itu, Immanuel Kant sering dikatakan seorang ahli falsafah yang bersifat sekular dan menolak sama sekali kewujudan Tuhan.

Alvin Plantinga (2000)<sup>8</sup> mempunyai pandangan yang berbeza dengan mengatakan bahawa gaya penulisan Immanuel Kant mempunyai kecenderungan untuk memberi ruang kepada kita untuk merujuk kepada Tuhan. Dalam karya beliau *Critique of Practical Reason and Religion within the Boundary of Pure Reason; Lecturers on Philosophical Theology*, Immanuel Kant kelihatan kerap merujuk kepada Tuhan. Beliau ada mengatakan bahawa kita memang boleh merujuk kepada atau memikirkan Tuhan tetapi persoalannya ialah bukan kita tidak boleh langsung memikirkan Tuhan tetapi kita tidak mampu mencapai atau menjangkau pengetahuan/pemahaman spekulatif atau metafizik Tuhan.

Immanuel Kant telah membezakan *phenomena* (objek sebagaimana kita faham berdasarkan pemerhatian dan pengalaman) dengan *noumena* atau *thing in itself* (objek yang wujud seada-adanya). Walaupun Immanuel Kant mengatakan manusia tidak mampu menjangkau pemahaman tentang *noumena* namun beliau tidak menafikan bahawa pemahaman kita tentang *noumena* ini membolehkan kita mencapai satu generalisasi *priori* untuk dunia *phenomena*. Beliau pernah berkata:

*“Beyond objects of experience, hence concerning things as noumena, speculative reason was quite rightly denied anything positive [by way] of cognition. Speculative reason did, however, accomplish this much: it secured the concept of noumena=i.e., the possibility, indeed the necessity, of thinking such [things]...” (Kant, 2002)<sup>9</sup>*

Daripada penerangan Immanuel Kant ini, sebenarnya terbukti beliau tidak menafikan adanya Tuhan. Hal ini disebabkan Immanuel Kant sendiri mengistilahkan *noumena* untuk mewakili apa yang dikategorikan sebagai *thing in itself*. Alvin Plantinga (2015) mengatakan bahawa sudah tentu Tuhan adalah salah satu yang dikategorikan sebagai *thing in itself*. Tuhan yang mempunyai ciri-Nya yang tersendiri dan seada-adanya, memang tidak dapat difahami oleh manusia sepenuhnya. Walaupun manusia tidak dapat menjangkau kekuasaan Tuhan, ini tidak semestinya bermaksud akal manusia tidak dapat menaakul adanya kuasa luar biasa ini. Jika manusia tidak dapat fikir tentang Tuhan, sudah pasti manusia juga tidak dapat berbicara tentang Tuhan yang dikatakan tidak dapat dijangkau itu. Jadi, sebenarnya, pernyataan yang mengatakan bahawa Tuhan adalah tidak dapat dijangkau manusia, dengan sendirinya sudah membuktikan bahawa manusia mengakui adanya Tuhan sepertimana dihujahkan oleh beliau:

*“The statement that we can’t think about God – the statement that God is such that we can’t think about him – is obviously a statement about God; if we can’t think about God, then we can’t say about him that we can’t think about him.” (Plantinga, 2015)<sup>10</sup>*

Jika Immanuel Kant seorang yang langsung menolak kewujudan Tuhan, pasti beliau juga menolak adanya apa yang disebut sebagai *noumena*. Walaupun Immanuel Kant tidak membuktikan akan kewujudan Tuhan, ini tidak bermaksud Immanuel Kant tidak mempercayai kewujudan Tuhan. Sebenarnya, Immanuel Kant bukan hanya menyedari akan adanya Tuhan malah beliau mengakui adanya kewujudan Tuhan dengan meletakkan hal-hal tentang ketuhanan sebagai *noumena*. Dalam erti kata lain, seandainya Immanuel Kant menafikan sama sekali kewujudan Tuhan, beliau sepatutnya juga mesti menafikan adanya *noumena*. Namun, beliau sendiri mengakui adanya *noumena* di sebalik fenomena yang terpapar di dunia ini.

Adalah kurang wajar untuk meletakkan Immanuel Kant sebagai seorang yang antiagama hanya kerana karya beliau seolah-olah ‘menepikan peranan Tuhan’. Immanuel Kant hanya sekadar bersikap untuk berpijak di bumi nyata kerana beliau tahu manusia tidak mungkin ada kemampuan membuktikan kewujudan Tuhan. Jadi, adalah tidak wajar pandangannya yang jujur itu dijadikan batu lontaran untuk ‘menghukum’ Immanuel Kant sebagai seorang yang menafikan kewujudan Tuhan. Tambahan pula, pandangan Immanuel Kant ini terang-terang ada dinyatakan dalam kitab suci *Bible* yang mengatakan bahawa manusia tidak mampu menjangkau kekuasaan Tuhan:

*“For my thoughts are not your thoughts, neither are your ways my ways,” declares the LORD. As the heavens are higher than the earth, so are my ways higher than your ways and my thoughts than your thoughts.” (Isaiah 55:8-9)<sup>11</sup>*

*“Such knowledge is too wonderful for me, too lofty for me to attain.” (Psalms 139:6)<sup>12</sup>*

Idea penolakan Immanuel Kant terhadap penebusan dosa oleh Jesus Christ juga telah menjadi isu kontroversi yang juga seterusnya dijadikan bukti untuk melabel Immanuel Kant sebagai seorang yang bersifat sekular. Pandangan Immanuel Kant meletakkan keutamaan pada

individu untuk bertanggungjawab atas segala tingkah lakunya dan bukan menolak tanggungjawab itu ke atas bahu satu kuasa kudus iaitu melalui penebusan dosa oleh Jesus Christ (*Son of God*) ini telah dilihat sebagai penafian terhadap kepercayaan tradisi Kristian dan seterusnya memberi gambaran bahawa Immanuel Kant seorang ahli falsafah sekular yang menolak sama sekali peranan Tuhan. Sepertimana yang dihuraikan, asas penolakan Immanuel Kant tentang penebusan dosa manusia oleh Jesus Christ adalah berlandaskan prinsip pegangan beliau bahawa manusia harus bertanggungjawab atas perbuatan diri sendiri kerana mereka yang memilih apa tindakan yang hendak dibuat berlandaskan kebebasan yang ada pada diri mereka.

Sesungguhnya, dalam agama Kristian juga dinyatakan manusia adalah bertanggungjawab atas perbuatan sendiri. Hal ini terbukti melalui ayat-ayat dalam *Bible* seperti berikut:

*“For each one should carry their own load”*. (Galatians 6:5)<sup>13</sup>

*“The one who plants and the one who waters have one purpose, and they will each be rewarded according to their own labor.”* (1 Corinthians 3:8)<sup>14</sup>

*“Do not be deceived: God cannot be mocked. A man reaps what he sows”*. (Galatians 6:7)<sup>15</sup>

Walaupun seseorang Kristian mengakui Jesus Christ mampu menebus dosanya tetapi sebaliknya tidak mematuhi arahan Tuhan, seseorang itu tidak juga terselamat daripada menanggung segala apa yang telah dilakukan. Tuhan yang maha mengetahui tidak boleh dipermainkan. Jika seseorang hanya sekadar mengakui Jesus Christ sebagai penyelamatnya tetapi tidak memastikan dia membuat pilihan yang betul dengan mematuhi arahan Tuhan, seseorang itu tetap tidak akan terlepas daripada dosanya. Sekiranya seseorang melakukan kejahanan, dia tetap bersalah atas perbuatannya dan tidak boleh sewenang-wenangnya ingat bahawa dia akan terlepas daripada menanggung perbuatannya hanya dengan menyeru nama Tuhan. Dalam *Bible*, Tuhan pernah berfirman:

*“Not everyone who says to me, ‘Lord, Lord,’ will enter the kingdom of heaven, but only the one who does the will of my Father who is in heaven.”* (Matthew 7:21)<sup>16</sup>

*“Then I will tell them plainly, ‘I never knew you. Away from me, you evildoers.’* (Matthew 7:23)<sup>17</sup>

*“But he will reply, ‘I don’t know you or where you come from. Away from me, all you evildoers!’* (Luke 13:27)<sup>18</sup>

Dari sini, kita dapat melihat apa yang ditekankan oleh Immanuel Kant bahawa manusia harus bertanggungjawab atas perbuatan sendiri dan tidak boleh terlepas daripada perbuatan sendiri juga ada diajar dalam agama Kristian. Cuma atas kesedaran bahawa hukum moral yang perlu dijadikan pegangan di dunia realiti harus berpangkalkan penaakulan rasional, Immanuel Kant perlu mengetepikan unsur-unsur kudus yang di luar jangkauan manusia dan mengalihkan manusia kepada apa yang manusia sendiri mampu lakukan.

Bagi Immanuel Kant, hanya setelah manusia melaksanakan tanggungjawabnya sendiri terlebih dahulu, baharulah manusia layak untuk menerima rahmat Tuhan. Sesungguhnya, Immanuel Kant menyatakan bahawa hanya apabila manusia sudah terlebih dahulu cuba sedaya upaya untuk melaksanakan tanggungjawab untuk menjadi seorang yang lebih baik, barulah mereka

layak untuk meminta rahmat daripada Tuhan. Sentuhan terakhir rahmat daripada Tuhan hanya akan datang apabila manusia terlebih dahulu memastikan mereka melakukan apa yang baik di dunia ini. Bagi beliau adalah tidak penting dan tidak perlu untuk manusia tahu apa Tuhan buat atau sudah buat untuk penyelamatan manusia (kerana manusia tidak mampu tahu), tetapi adalah mencukupi sekadar apa yang manusia harus buat agar manusia layak untuk menerima penyelamatan daripada Tuhan ini. Immanuel Kant tidak menolak kemungkinan adanya kuasa kudus yang dapat memberi pelindungan (*salvation*) kepada manusia. Cuma apa yang hendak ditekankan oleh Immanuel Kant ialah manusia harus terlebih dahulu mengutamakan apa tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh mereka untuk melayakkan mereka mendapat sentuhan rahmat daripada tuhan. Menurut beliau:

*“It is not essential, and hence not necessary for a man to know what God does or has done for his salvation;” but it is essential to know what man himself must do in order to become worthy of this assistance.”* (Kant, 1960)<sup>19</sup>

Lantaran itu, hanya satu doktrin tentang penebusan yang boleh diterima dalam kerangka penaakulan praktikal iaitu Tuhan memberi sentuhan rahmat yang terakhir hanya setelah seseorang itu membuktikan dia terlebih dahulu berusaha untuk memastikan dia telah membaiki cara hidupnya ke arah kebaikan;

*“The only doctrine of atonement that practical reason can accept is one in which God provides a final grace after one has merited it through improvement in one’s way of life.”* (McCarthy, 1986)<sup>20</sup>

Deryck Beyleveld (2015)<sup>21</sup> pula ada menjelaskan bahawa salah satu sebab Immanuel Kant mengatakan bahawa dia perlu menganggap Tuhan itu wujud (*I must assume that God exists*) adalah kerana Tuhan perlu wujud untuk membolehkan manusia mencapai kebahagiaan tertinggi apabila segala tingkah laku baiknya dapat betul-betul diadili dengan baik dan dirahmati Tuhan. Harapan (*hope*) ini hanya boleh menjadi kenyataan jika Tuhan benar-benar wujud. Beliau mengemukakan kewajaran moral agama melalui konsep “kebaikan tertinggi” (*highest good*). Muhammad Atiullah Othman et al (2015)<sup>22</sup> memetik kata-kata Firestone & Palmquist (2006: 76) yang mengatakan bahawa Immanuel Kant beranggapan kebaikan tertinggi ini boleh menjadi insentif dan mengharap ganjaran syurga. Dari sini, dapat disimpulkan bahawa Immanuel Kant yang sedar akan ketidakupayaan manusia membuktikan kewujudan Tuhan, masih meletakkan harapan (*hope*) agar Tuhan sememangnya wujud kerana moraliti akan lebih bermakna jika akhirnya manusia mendapat sentuhan rahmat daripada Tuhan dan seterusnya mendapat keadilan dan kebahagiaan dalam erti kata sebenar.

Tambahan pula, walaupun Immanuel Kant ada mengatakan bahawa moraliti tidak memerlukan agama namun beliau tetap mengatakan bahawa moraliti akhirnya boleh membawa kita berbalik kepada agama. Hal ini dinyatakan dalam karya beliau *Religion Within the Limits of Reason Alone* yang mengatakan bahawa akhirnya, tidak dapat dielakkan bahawa moraliti itu mendorong kita ke arah keagamaan, ke arah penerimaan idea adanya satu kuasa besar, iaitu Tuhan yang merupakan “Penggubal Undang-undang, yang mana akhirnya boleh malah harus menjadi matlamat akhir manusia seperti mana yang diperkatakan berikut:


---

*“Morality thus lead ineluctably to religion, through which it extends itself to the idea of a powerful moral Lawgiver, outside of mankind, for Whose will that is the final end (of creation) which at the same time can and ought to be man’s final end.”* (Kant, 1960)<sup>23</sup>

Immanuel Kant berpendapat bahawa untuk dapat mengenal pasti konsep moral yang universal adalah perlu memahami “pengetahuan a priori,” sesuatu yang benar-benar bebas daripada semua pengalaman. Seseorang harus abaikan sepenuhnya pengalaman dan persepsi luaran. Hal ini ditegaskan oleh Alessandro Ferrara (2022)<sup>24</sup> seperti pernyataan berikut:

*“Kant argues that in order to be able to identify a universal concept of morality it is necessary to conceive an “a priori knowledge,” something absolutely independent of all experience. This knowledge is supported by the observation of nature and the behavioral responses to the events that occur—despite the fact that these have never been experienced before—completely ignoring the experience and external perceptions.”*

Immanuel Kant amat tidak menafikan bahawa terdapat pengetahuan yang tidak dapat dijelaskan melalui pengalaman atau persepsi luaran. Atas kesedaran bahawa kewujudan Tuhan tidak dibuktikan secara saintifik, Immanuel Kant secara terang-terangan mengatakan bahawa beliau melihat agama setakat kemampuan penaakulan rasional manusia. Beliau berpendirian teguh untuk memperkatakan agama dalam had sempadan penaakulan rasional semata-mata (*stay within the boundaries of mere reason*) dan hanya akan mengambil kira sejarah dan kitab suci untuk menunjukkan konsistensi dengan apa yang mendasari domain asal beliau (Hare, 2009)<sup>25</sup>. Dalam penegasan Immanuel Kant dalam mengutamakan penaakulan rasional praktikal (*pure practical reason*), Immaual Kant masih meletakkan harapan (*hope*) adanya kewujudan Tuhan yang melahirkan keimanan (*faith*). Keimanan rasional/praktikal inilah seolah-olah menjadi tali pengikat antara etika tanggungjawab Immanuel Kant dengan ajaran agama Kristian. Berdasarkan hujahan analisis dapatan kajian ini, suatu kerangka konseptual dapat digambarkan seperti berikut:



Dengan syarat manusia terlebih dahulu melakukan tanggungjawab mereka berdasarkan penaakulan rasional praktikal (*pure practical reason*) sebelum mereka meletakkan keimanan dan harapan untuk mendapat sentuhan rahmat terakhir daripada Tuhan

Rajah 4: Kerangka konseptual Perbandingan Pemikiran Immanuel Kant dengan Agama Kristian berhubung Tanggungjawab

## PENUTUP

Berdasarkan pembinaan kerangka konseptual tentang tanggungjawab, mungkin kajian seterusnya boleh menyentuh perbandingan antara dua agama yang berlainan dalam memperkatakan tanggungjawab. Melalui kajian perbandingan antara dua agama berhubung dengan tanggungjawab dapat menggalakkan penemuan tentang titik persamaan atau titik pertembungan dalam agama. Pengetahuan ini amat berguna dalam melahirkan semangat toleransi agama yang tinggi terutama dalam sebuah negara yang majmuk seperti Malaysia. Perkongsian maklumat sebegini dapat mendukung slogan ‘Kesatuan dalam Kepelbagaian’ atau ‘Kesepaduan dalam Kepelbagaian’.

Melalui hasil dapatan ini, diharapkan akan ada kajian susulan lain yang berkaitan dengan skop kajian ini sama ada untuk dijadikan sumber rujukan, sumber untuk kerangka konseptual ataupun sumber untuk sokongan hujah. Harapan ini seiring dengan maksud tujuan *research* iaitu perkataan ‘*re*’ yang membawa maksud semula manakala ‘*search*’ bermaksud mencari. Lantaran itu, diharapkan kajian penyelidikan ini dapat dijadikan batu asas untuk pengkajian semula mana-mana bahagian yang masih lompong atau mana-mana bahagian yang masih ada ruang untuk diperhalusi atau diperkembang. Dengan ini, sesuatu hasil kajian akan lebih bermakna dalam memperluas ilmu akademik.

## Rujukan

1. Holzhey H & Mudroch V. 2005. *Historical Dictionary of Kant and Kantianism*. Lanham: The Scarecrow Press, Inc.
2. Mohd. Janib Johari. 1994. *Moral Teori Applikasi dan Permasalahan*. Johor Bahru:Cetak Ratu Sdn Bhd.
3. Taylor S J, Bogdon R, Devault M. 2015. *Introduction to Qualitative Research Method: A Guidebook and Resource*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
4. Siti Uzairiah Mohd Tobi. 2017. *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
5. Flick U (pnyt.). 2014. *The SAGE Handbook of Qualitative Data Analysis*. London: SAGE Publication Ltd.
6. Kant I. 1998. *Groundwork of the Metaphysics of Morals*. Terj. Mary Gregor. Cambridge: Cambridge University Press.
7. Bible *New International Version*. Diperoleh daripada <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Hebrews+11%3A3%29&version=NIV>
8. Plantinga A. 2000. *Warranted Christian Belief*. New York: Oxford University Press. , ms. 17
9. Kant I. 2002. *Critique Of Practical Reason* Terj. Werner S. Pluhar. Indianapolis: Hackett Publishing Company, Inc.
10. Plantinga A. 2015. *Knowledge and Christian Belief*. Cambridge: William B. Eerdmans Publishing Company.
11. Bible *New International Version*. Diperoleh daripada <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Isaiah%2055%3A8-9&version=NIV>
12. Bible *New International Version*. Diperoleh daripada <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Psalms+139%3A6&version=NIV>
13. Bible *New International Version*. Diperoleh daripada <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Galatians+6%3A5&version=NIV>

14. Bible *New International Version.* Diperoleh daripada <https://www.biblegateway.com/passage/?search=1+Corinthians+3%3A8&version=NIV>
15. Bible *New International Version.* Diperoleh daripada <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Galatians+6%3A7&version=NIV>
16. Bible *New International Version.* Diperoleh daripada <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Matthew+7%3A21&version=NIV>
17. Bible *New International Version.* Diperoleh daripada <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Matthew+7%3A23&version=NIV>
18. Bible *New International Version.* Diperoleh daripada <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Luke+13%3A27&version=NIV>
19. Kant I. 1960. *Religion Within the Limits of Reason Alone.* Terj. Theodore M. Greene and Hoyt H. Hudson. New York: Harper & Brother.
20. McCarthy. 1986. *Quest for A Philosophical Jesus, Christianity and Philosophy in Rousseau, Kant, Hegel, and Schelling.* Macon: Mercer University Press.
21. Beyleveld D & Ziche P. 2015. *Toward A Kantian Phenomenology of Hope.* Ethic Theory Moral Practical DOI 10.1007/s10677
22. Muhammad Atiullah Othman, Indriaty Ismail & Ibrahim Abdu Bakar. 2015. *Rasional dan Agama dalam Justifikasi Baik dan Buruk Menurut Immanuel Kant.* Jurnal Perspektif Jil. 7. Bil 3 (59-67) ISSN 1985 – 496X.
23. Kant I. 1960. *Religion Within the Limits of Reason Alone.* Terj. Theodore M. Greene and Hoyt H. Hudson. New York: Harper & Brother.
24. Ferrara Alessandro. 2022. *Moral Duties and Juridical Duties: The Ambiguity of Legal Ethics Considered Through the Prism of Kant's Metaphysics of Morals.* German Law Journal (2022), 23, pp. 117–129
25. Hare J E. 2009. *God And Morality A Philosophical History.* Oxford: Wiley Blackwell A John Wiley & Sons, Ltd., Publication